



IKLAN JAWATAN KOSONG

PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan

- Jawatan : Penolong Jurutera
- Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Syarat Lantikan : i. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;atau
- iv. Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Kemahiran : Berkemahiran dalam bidang komputer khususnya AUTOCAD.
- Deskripsi Tugas : i. Bertanggungjawab melukis, menyurih pelbagai pelan berkaitan lukisan arkitek, rangka bina, perspektif, rajah pembentukan besi, keratan rentas, kontur dan lain lain berkaitan.



- ii. Bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan projek/ dokumen tender dan kontrak termasuk penyediaan dokumen teknikal dan spesifikasi projek seperti anggaran kos awal, kuantiti, menyediakan perakuan bayaran interim, menyediakan arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- iii. Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi/ cadangan reka bentuk, penyediaan pelan dan dokumentasi dan pemantauan.
- iv. Mengendali penggunaan komputer AUTOCAD untuk melukis pelbagai pelan berkaitan dengan jalan, kalbot dan jambatan.

Cara Memohon:

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian melalui pautan [JawatanKosongPKCH2026](#).
2. Pemohon tidak perlu menyerahkan *hard copy* kepada PKCH.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini semasa permohonan dibuat.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Jun 2026 (Jumaat)**.
5. Hanya calon-calon yang disenarai pendek untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh 1 hingga 3 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Seksyen Sumber Manusia di talian 05-4851320.